

KUALITI DIRI GURU PELATIH BERDASARKAN TEORI

Azizi Yahaya & Nadia Farhana Binti Mohammad Zabidi
Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti persepsi pentadbir sekolah terhadap kualiti diri guru pelatih UTM ketika menjalani latihan mengajar. Perkara yang dibincangkan adalah dari segi aspek persepsi terhadap kualiti diri guru pelatih dari aspek konsep sendiri mengikut teori.

Katakunci: guru pelatih, latihan mengajar, persepsi, UTM

Pengenalan

Seperti peribahasa "Melentur buluh biarlah dari rebungunya" yang membawa maksud didikan perlu diterap dari awal supaya tidak akan menyusahkan dikemudian hari. Sama seperti situasi guru pelatih, guru pelatih adalah bakal guru dan statusnya adalah 'orang baru belajar'. Justeru, pembelajaran berkaitan pendidikan perlu didedahkan dan dikenalpasti kelemahan mereka serta cuba memperbaikinya sebelum bergelar sebagai guru sebenar.

1. Teori Persepsi Gestalt

Teori Gestalt menjelaskan proses persepsi melalui pengorganisasian elemen-elemen tertentu yang memiliki hubungan, pola, ataupun kemiripan menjadi kesatuan. Teori ini dibangunkan oleh sekumpulan ahli psikologi Jerman yang turut terlibat dalam mengkaji pembelajaran. Mereka menggelarkan diri mereka sebagai ahli psikologi gestalt yang terdiri daripada Max Wertheimer (1880-1943), Kurt Koffka (1886-1941) dan Wolfgang Kohler (1887-1967). Mereka menyimpulkan bahawa seseorang cenderung mempersepsikan apa yang terlihat dari lingkungannya sebagai komponen yang lengkap.

Othman (1997) mengatakan, penyatuan pola-pola hidup juga mendapat tumpuan analisis mengikut teori Gestalt. Bagaimanapun pendekatan afektif secara teori Gestalt tidak membahagi-bahagikan pembawaan hidup manusia itu kepada ciri-ciri yang spesifik. Ianya lebih mementingkan konsep penyatuan dalam diri seorang manusia. Analisis dari segi aspek penyatuan keseluruhan adalah lebih penting dan dapat memberi pentafsiran yang lebih jitu bagi memahami pembawaan hidup seorang manusia itu. Pendekatan kaunseling ini beranggapan bahawa seorang manusia yang bertingklaku secara mengasing-asingkan pembawaan hidupnya menghadapi segala macam kerumitan. Pendekatan Gestalt menumpukan penyatuan seorang manusia itu dari segala aspek mental, emosi dan tingkahlakunya. Ketiga-tiga ciri ini tidak boleh dipisahkn. Kesejahteraan itu wujud hasil daripada tanggungjawab seseorang individu yang bertindak secara bersatu dalam segala perlakuan, pemikiran dan kenyataan emosinya.

2. Teori Konsep Kendiri Corey dari aspek Persepsi

Berdasarkan Azizi et al. (2005), Corey mengemukakan teori Looking Glass Self sebagai sumber asas maklumat tentang sendiri seseorang. Merujuk kepada teori ini, konsep kendiri dibentuk oleh maklum balas terhadap penilaian orang lain kepada seseorang individu hasil daripada interaksi individu tersebut dengan kumpulan tertentu dalam keadaan bersemuka, kekal dan rapat. Kumpulan ini merujuk kepada orang signifikan.

Orang signifikan bermaksud orang yang berada di sekeliling yang memberi sumbangan terhadap pembentukan konsep sendiri. Penilaian daripada orang lain merupakan sumber pembentukan konsep sendiri (Azizi et al. 2005). Pandangan ini disokong oleh Russell (2001) menyatakan konsep sendiri adalah proses penerimaan idea orang lain yang signifikan dengan diri seseorang individu sebagai ideanya sendiri. Combs dan Snygg (1949) juga menitikberatkan pembentukan 'self' hasil penilaian orang signifikan.

3. Teori Personaliti Rogers (Konsep Kendiri) dari aspek Kualiti Diri

Konsep kendiri guru penting kerana konsep ini berkait rapat dengan sifat dan sikap profesional guru untuk berkhidmat secara efektif dan berkesan. Tumpuan kajian berpusat pada sifat-sifat diri guru, kelakuan guru dan sikap guru ataupun melalui penilaian pentadbir sekolah. Guru yang memiliki konsep kendiri positif akan bersedia berhadapan dengan cabaran pendidikan masa kini yang kian menuju era globalisasi. Menurut Azizi et al. (2005), konsep kendiri positif bagi seorang guru adalah melengkapi dirinya dengan kepelbagaian ilmu terutamanya berkaitan dengan teknologi maklumat serta berupaya dalam menjalankan tugas dengan baik dan dalam masa yang sama mendorong berkelakuan lebih positif kerana guru adalah *role-model* kepada para pelajar.

Dalam teori personaliti Rogers (1951), Azizi et al. (2005) menyatakan konsep kendiri memainkan peranan yang penting kerana konsep kendiri menentukan perasaan dan tingkah laku seseorang. Ini bersesuaian dengan diri seseorang guru. Dalam pada itu penghargaan diri merupakan satu keperluan bagi setiap individu, apatah lagi bagi seorang guru. Keperluan ini dipelajari daripada pengalaman yang dihargai oleh orang lain. Apabila seseorang mempunyai sikap yang positif terhadap dirinya sendiri, terutamanya guru akan mempunyai sikap yang sama terhadap orang lain.

Rujukan

Azizi Yahaya, et al (2005). *Pembangunan Kendiri*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Combs, Arthur W. and Snygg, Donald (1949), *Individual Behavior: A New Frame of Reference for Psychology*. New York, Harper and Brothers.

Othman Mohamed (1997). Gender Socialization And Learning Style Pathers Of Secondary School Students. *Bertanika Journal of Social Science And Humanities*. (5) 1, 15-20.

Rogers, C. R. (1951). *Client Centered Therapy: Its Current Practice, Implication and Theory*. Boston: Houghton Mifflin.

Russell, F. W. (2001). Measuring Ideal and Real Self-Concept on the Same Scale Based on a Multifaceted Hierarchical Model of Self-Concept. *Education and Psychological Measurement*. 61, 85-102.